

Dunia mampu lakukan seperti pembunuhan rakyat Bosnia oleh puak Serb — PM

Hentikan kezaliman Israel

04 APR 2002

PUTRAJAYA 4 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, dunia mampu menghentikan kezaliman rejim Israel terhadap penduduk Palestin jika ia mahu berbuat demikian seperti yang dapat dilihat dalam keupayaannya menghentikan pembunuhan rakyat Bosnia oleh puak Serb.

Perdana Menteri berkata, dunia tidak melakukan apa-apa sehingga lebih 200,000 warga Bosnia dibunuh tetapi apabila ia memutuskan untuk menghentikannya, dunia berjaya melakukannya dan kini mereka yang terlibat dalam pembunuhan itu dihadapkan ke muka pengadilan.

“Jadi dunia mampu menghentikan tindakan keganasan yang dilakukan oleh Israel,” katanya semasa satu pertemuan bersama lebih kurang 20 wartawan antarabangsa yang membuat liputan Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai Keganasan di sini yang berakhir semalam.

● Takrif keganasan untuk tujuan perbincangan — Muka 2

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, masyarakat dunia tidak melihat masalah Palestin sebagai sesuatu yang relevan kepada mereka herbanding insiden 11 September yang membawa kepada tindakbalas sertamerta daripada mereka.

Kebanyakan kuasa besar, kata beliau, nampaknya mengamalkan sikap mereka tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan nasib yang menimpa warga Palestin yang berjuang dan mati dalam menentang Israel yang menduduki wilayah-wilayah mereka sejak 50 tahun lepas.

“Ya, beberapa negara Eropah telah mula berkata sesuatu. Tetapi seperti yang anda tahu, Eropah masih berasa bersalah mengenai pembunuhan baramai-ramai (orang Yahudi semasa Perang Dunia II). Oleh itu ia tidak berani berkata apa-apa yang membelakangkan Israel.

“Dan oleh sebab itu, penduduk Palestin terpaksa berkorban bagi orang Yahudi yang dibunuh di Eropah semasa perang (dunia) lepas,” katanya.

■ Lihat muka 4

Hentikan kezaliman Israel

Dr. Mahathir berkata, satu daripada punca keganasan ialah isu Palestin dan ini perlu diatasi.

Beliau berkata, dunia mesti bertindak untuk menangani kemelut Palestin ini melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan persetujuan Amerika Syarikat sebagai kuasa terbesar di dunia juga diperlukan dalam mencari penyelesaian.

“Seluruh dunia mesti mengenakan tekanan terhadap Israel untuk menghentikan kekejamannya. Sehingga mereka menghentikannya, mereka tidak boleh mempersalahkan rakyat Palestin melakukan serangan born yang menyebabkan orang awam Israel terbunuh.”

Dr. Mahathir berkata, apa yang dilakukan oleh Israel ialah menyerang sebuah negara dan bunuh orang awam tanpa mengisytiharkan peperangan serta mena- han pemimpin negara itu.

“Semua ini tidak betul dan penduduk Palestin tidak mempunyai pilihan lain dalam mempertahankan diri, mereka melakukan perbuatan meletupkan diri walaupun mangsa mereka adalah orang awam,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, rakyat Palestin melawan balik menggunakan apa sahaja yang ada pada mereka.

“Ta mungkin disifatkan sebagai serangan pengganas tetapi apa lagi pilihan yang ada? Anda tidak mempunyai pilihan lain, jadi anda serang. Apabila orang gunakan kega-

nasan terhadap anda, adalah tidak salah untuk melawan balik dengan keganasan,” kata beliau lagi.

Dr. Mahathir berkata, perlu diperakui yang tindakan seperti itu hanya boleh ditamatkan jika dunia menekan Israel supaya menghentikan serangan terhadap Palestin dan berundur daripada semua tanah Arab yang didudukinya.

Perdana Menteri berkata: “Apabila orang marah mereka sanggup melakukan apa sahaja. Jika mereka (Israel) tidak menghentikan kekejaman, mereka perlu menghadapi kemungkinan lebih banyak lagi serangan born berani mati atau apa sahaja bentuk serangan.”

Beliau berkata, walaupun Presiden Palestin Yasser Arafat dituduh gagal menghalang rakyatnya daripada meneruskan dengan serangan itu tetapi hakikat sebenarnya ialah 40,000 tentera Israel di Palestin juga gagal menghentikan serangan mereka.

Ditanya mengenai Inisiatif Keamanan Arab yang diusahakan oleh Arab Saudi, Dr. Mahathir berkata, cadangan itu ialah asas yang baik untuk diusahakan walaupun ia perlu diperhalusi lagi.

Beliau berkata, negara-negara Arab telah banyak berkompromi dengan cadangan keamanan itu yang menyatakan negara-negara Arab akan mengiktiraf Israel dan sebagai balasan Israel perlu menarik diri daripada wilayah-wilayah yang didudukinya sejak Perang Enam Hari pada 1967.

“Kita perlu realistik mengenai perkara ini. Kita perlu menerima hakikat yang Israel wujud dan dunia telah mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara. Apa yang kita perlu desak ialah mereka tidak keluar dari sempadan negara mereka,” kata beliau.

Beliau memberitahu wakil-wakil media yang menghadiri pertemuan itu, bahawa bagi Malaysia, ia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Tel Aviv.

Kepada satu lagi soalan, Dr. Mahathir berkata, sejak serangan 11 September di Amerika Syarikat tahun lepas beliau telah mengutuskan surat kepada ketua-ketua kerajaan di Eropah menyatakan perlunya negara-negara Islam dan Amerika Syarikat mencari penyelesaian bagi punca keganasan.

“Saya menjelaskan perkara-perkara ini kepada (Presiden Amerika George W.) Bush di Shanghai (tahun lepas). Beliau nampaknya memahami pandangan saya. Saya juga menjelaskan kepada beliau yang beliau harus menerima perbezaan pendapat. Jika pendapat saya berbeza daripada pendapat beliau, ia kerana hak saya untuk mempunyai pendapat berbeza daripada beliau.

“Saya rasa, saya berjaya jalin hubungan bersama Presiden Bush sehinggalah saya boleh berkomunikasi bersama beliau dan yang lain,” katanya. — Bernama